

Amal konsep musyawarah

» Tiga langkah jadi garis panduan ketua perwakilan di luar negara

Oleh Mohd Hamizar Hamid
mizar@bh.com.my

• Kuala Lumpur

Tan Sri Muhyiddin Yassin meminta ketua perwakilan yang bertugas di luar negara menonjolkan imej positif dan menanam keyakinan masyarakat antarabangsa mengenai kestabilan serta tadbir urus Malaysia yang baik secara berterusan.

Timbalan Perdana Menteri menggariskan tiga langkah bagaimana misi diplomatik berupaya menggerakkan diaspora Malaysia untuk kebaikan negara ini dan negara tuan rumah masing-masing.

“Ketua perwakilan perlu berkenalan seramai mungkin rakyat Malaysia di negara tuan rumah, perlu sering bermusyawarah sama ada secara rasmi atau tidak.

“Amalan ini sangat membantu ketika negara berkenaan dilanda krisis, terutama ketika berlaku bencana alam

atau tercetus kekacauan sosial dan politik.

“Selain itu, ketua perwakilan perlu mengajak diaspora Malaysia membantu mempromosi negara dalam pelbagai aspek dan membantu memberi penjelasan mengenai acara atau peristiwa di Malaysia,” katanya berucap pada Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia Ke-8 di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar, di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Luar, Datuk Hamzah Zainudin.

Bantu TalentCorp

Muhyiddin juga meminta perwakilan Malaysia bekerjasama dengan Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) untuk membantu kerajaan menarik lebih ramai pakar berasal dari Malaysia yang berkhidmat di luar negara, pulang bekerja di tanah air.

Sambil mendedahkan hampir sejuta warga Malaysia kini menetap di 105 negara yang mempunyai rangkaian politik dengan negara ini, beliau yakin kaedah praktikal mampu dicari bagi memanfaatkan kepakaran diaspora anak tempatan untuk kebaikan negara.

“Kita akan dapat mengurangkan pengaliran golongan cerdik pandai kita ke negara luar dengan memanfaatkan pengalaman dan kepakaran mereka,”

katanya sambil menambah, warga Malaysia di luar terdiri daripada profesional dalam bidang perniagaan, kesenian dan sukan, selain pelajar.

Komunikasi terbaik

Timbalan Perdana Menteri juga mahu ketua perwakilan memanfaatkan kemudahan internet dan media sosial sebagai saluran komunikasi paling efektif dengan rakyat tempatan di lokasi mereka bertugas dan sentiasa berhubung secara terbuka dengan mereka kerana amalan itu akan banyak membantu kedua-dua pihak.

“Tidak semua warga tempatan yang menetap di luar negara tinggal berhampiran bandar besar. Justeru komu-

“
Ketua perwakilan perlu berkenalan seramai mungkin rakyat Malaysia di negara tuan rumah, perlu sering bermusyawarah sama ada secara rasmi atau tidak”

Muhyiddin Yassin,
Timbalan Perdana Menteri

nikasi menerusi laman media sosial menjadi pengantara terbaik,” katanya.

Sementara itu, BERNAMA melaporkan, Muhyiddin dalam perutusan buku atur cara majlis Makan Malam Perdana PBPM di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini malam tadi, berharap Persatuan Bekas Polis Malaysia (PBPM) terus membantu kerajaan khususnya dengan mengadakan program kerjasama dengan rakyat bagi menerangkan pelaksanaan dasar sosial dan keselamatan negara.

Beliau berkata, melalui program kemasyarakatan seperti itu, PBPM juga diharapkan akan mendapat perhatian yang lebih luas di mata rakyat dan lebih dikenali.

“Kerajaan sentiasa dan amat menghargai segala keringat dan komitmen yang tuan dan puan curahkan sewaktu bertugas dahulu.

“Dengan pengalaman luas ahli PBPM, kerajaan berharap tuan bersama mewujudkan dan memastikan persekitaran harmoni dan kondusif untuk kehidupan yang sejahtera dan produktif di Malaysia,” katanya.

Majlis dirasmikan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, yang dihadiri kira-kira 1,000 bekas anggota polis.